



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

SIARAN MEDIA

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT (KPWKM) PERKUKUH PROGRAM PEMERKASAAN WANITA DI KAPIT

KAPIT, 15 NOVEMBER - Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) menerusi Yayasan Kebajikan Negara (YKN) dengan kerjasama Jabatan Pembangunan Wanita (JPW) hari ini melaksanakan Program Advokasi Kasih Wanita @ Kapit yang turut merangkumi dua inisiatif utama iaitu Wanita Dinamik dan Toleransi Sifar Keganasan.

Majlis dirasmikan oleh YB Dato' Sri Hajah Nancy Shukri, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM). Turut hadir ialah YB Dato' Sri Alexander Nanta Linggi, Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup merangkap Ahli Parlimen Kapit.

Program Advokasi Kasih Wanita @ Kapit memberi penekanan terhadap dua komponen utama iaitu *Wanita Dinamik* dan *Toleransi Sifar Keganasan* yang bertujuan untuk membentuk komuniti wanita yang berdaya tahan, berilmu dan bebas daripada keganasan.

Dalam ucapannya, YB Dato Sri Hajah Nancy Shukri menyatakan bahawa sejak diperkenalkan pada tahun 2021, Program Wanita Dinamik telah membantu lebih 20,000 wanita di seluruh negara. Program anjuran Yayasan Kebajikan Negara (YKN) ini bertujuan memperkasa wanita dari segi ekonomi, keselamatan dan kesihatan, supaya mereka dapat hidup lebih berdikari dan berdaya saing.

Manakala melalui program Toleransi Sifar Keganasan yang diterajui Jabatan Pembangunan Wanita (JPW) pula, masyarakat dididik untuk menolak keganasan dalam apa jua bentuk dan memahami hak perlindungan di bawah Akta Antigangguan Seksual 2022 [Akta 840].

Sementara itu, YB Dato Sri Alexander Nanta Linggi dalam ucapannya menzahirkan penghargaan kepada KPWKM, YKN dan JPW atas pelaksanaan program advokasi dan pemerkasaan wanita di kawasan pedalaman seperti Kapit. “Saya amat menyokong usaha seperti ini kerana ia bukan sekadar membangunkan potensi wanita, tetapi juga memperkukuh institusi keluarga dan komuniti. Kehadiran YB Menteri bersama pasukan KPWKM ke Kapit hari ini amat bermakna dan memberi semangat kepada rakyat di kawasan ini,” katanya.

Pemerkasaan wanita perlu dilaksanakan secara holistik bukan hanya dengan bantuan kewangan tetapi melalui sokongan emosi, motivasi, pendidikan psikososial dan penjagaan kesihatan yang menyeluruh. KPWKM melalui agensi pelaksanaanya, YKN dan JPW, akan terus memperluas pelaksanaan program seperti ini ke kawasan pedalaman agar tiada wanita tercicir daripada arus pembangunan.

Turut hadir Ketua YB Dato Sri Alexander Nanta Linggi, Menteri Kerja Raya Merangkap Ahli Parlimen Kapit, YB Datuk Jefferson Jamit Anak Unyat, Timbalan Menteri Di Jabatan Premier Sarawak (Undang-Undang & Adat Bumiputera), Ketua Setiausaha KPWKM, Yang Berbahagia Datuk Dr. Maziah Che Yusoff, YB Dato Angelina Anak Celestine Ujang yang juga Pengerusi Puspanita Kementerian Kerja Raya, YBrs Puan Nordina Haron, Ketua Pegawai Eksekutif Yayasan Kebajikan Negara, Dr. Faridah binti Awang, Timbalan Ketua Pengarah Jabatan Pembangunan Wanita (JPW), wakil-wakil agensi kerajaan dan rakan strategik di peringkat negeri dan daerah.

###

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT

15 NOVEMBER 2025